




KENYATAAN TAWARAN

Tawaran tender ini dipelawa kepada syarikat pembekal kain ihram untuk jemaah umrah TH Travel & Services Sdn Bhd yang mempunyai Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan (MOF) di bawah kod bidang berkaitan serta masih sah semasa membuat tawaran bagi butiran berikut:

BUTIRAN	SYARAT BUTIRAN/KOD BIDANG	MAKLUMAT PENJUALAN DOKUMEN TENDER	MAKLUMAT PENUTUPAN TENDER	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT
NOMBOR TENDER: THTS 05/2026 TAJUK TENDER: TENDER CADANGAN MELANTIK SYARIKAT MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KAIN IHRAM UNTUK TH TRAVEL & SERVICES SDN. BHD	STATUS : TERBUKA KOD BIDANG MOF: 020701 & 020702	TARIKH DOKUMEN DIJUAL : 06 MEI 2026 (RABU) JAM 12:00 TENGAH HARI HINGGA 22 MEI 2026 (JUMAAT) JAM 10:00 PAGI HARGA : RM100.00 SAHAJA (TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN) TIADA PENGAMBILAN/ JUALAN DOKUMEN SECARA FIZIKAL.	TARIKH : 22 MEI 2026 (JUMAAT) MASA: JAM 12:00 TENGAH HARI PENYERAHAN DOKUMEN: PERLU <i>KEY-IN</i> DAN HANTAR SECARA <i>ONLINE</i> MELALUI LAMAN WEB https://www.tenderwizard.my/THTS TIADA PENGHANTARAN DOKUMEN SECARA FIZIKAL	SESI TAKLIMAT SEBUTHARGA: 05 MEI 2026 (SELASA), JAM 10.00 PAGI MELALUI APLIKASI MICROSOFT TEAMS DI PAUTAN: https://tinyurl.com/4njp7s8b 

1. Tawaran tender ini adalah dibuka melalui **sistem e-perolehan Tenderwizard** yang boleh dilayari melalui laman sesawang <https://www.tenderwizard.my/THTS>. Petender yang berminat memasuki tawaran ini perlu berdaftar terlebih dahulu dengan sistem tersebut dan bayaran pendaftaran adalah RM150.00. Pembayaran yuran pendaftaran boleh dibuat dengan menggunakan kemudahan kad kredit atau FPX secara online. Pendaftaran ini adalah sah untuk tempoh satu (1) tahun. Untuk sebarang pertanyaan berkenaan sistem dan pendaftaran, sila hubungi Bahagian Teknikal sistem di talian **03 79627870 / 7947 / 7957 / 7819 / 7866 / 7831** atau emel ke support@tenderpintar.com
2. Petender hendaklah mengambil maklum berkenaan fi perkhidmatan sebanyak 0.8% bagi setiap transaksi yang dijana melalui sistem Tenderwizard THTS kepada petender yang berjaya, tertakluk kepada had maksimum fi sebanyak RM9,600.00. Jumlah ini tidak termasuk 8% cukai jualan dan cukai perkhidmatan (*sales & service tax (SST)*) yang akan dikenakan.
3. Syarikat yang tidak mendapat apa-apa jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup tawaran Tender adalah dianggap tidak berjaya.
4. Sebarang pertanyaan berkaitan tender ini boleh dirujuk ke Unit Perolehan, TH Travel & Services Sdn Bhd di talian **03 - 2688 0136 / 0110 / 0020** atau e-mel, adminteam@thts.com.my